

6 RANCANGAN PENGELUARAN

Objektif Pembelajaran

Di akhir bab ini, pembaca akan dapat:

- ✓ Menyatakan pengertian rancangan pengeluaran
 - ✓ Menerangkan perbezaan pengeluaran dan rancangan pengeluaran
 - ✓ Menjelaskan tujuan penyediaan rancangan pengeluaran
 - ✓ Menyenaraikan maklumat penting rancangan pengeluaran
 - ✓ Melukis carta alir pengeluaran dan jadual pengeluaran
-

6.1 PENGERTIAN RANCANGAN PENGELUARAN

Rancangan pengeluaran turut dikenali sebagai rancangan operasi. Ia merupakan komponen rancangan perniagaan yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan atau menghasilkan produk dan/atau perkhidmatan bagi sesebuah perniagaan. Dengan kata lain, bahagian ini akan menerangkan aliran proses yang terlibat dalam menukarkan input kepada output.

6.2 PERBEZAAN PENGELUARAN DAN PENGURUSAN PENGELUARAN

Pengeluaran bermaksud penciptaan produk dan perkhidmatan iaitu bagaimana produk atau perkhidmatan dihasilkan. Manakala,

pengurusan pengeluaran pula merupakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan penciptaan produk dan perkhidmatan melalui proses transformasi input kepada output (*Heizer & Render, 2006*).

Bagi memastikan sesebuah perniagaan mempunyai produk dan/atau perkhidmatan yang berkualiti, usahawan perlu memberi perhatian serius terhadap rancangan pengeluaran. Terhasilnya produk yang berkualiti bermakna perniagaan telah mempunyai produk yang mampu bersaing di dalam pasaran.

6.3 TUJUAN PENYEDIAAN RANCANGAN PENGELUARAN

Antara tujuan penyediaan rancangan pengeluaran ialah untuk:

1. Memberi garis panduan kepada usahawan bagi mencapai objektif pengeluaran yang telah ditetapkan
2. Menentukan lokasi dan susun atur pengeluaran yang sesuai
3. Mengenal pasti keperluan bahan-bahan mentah yang diperlukan
4. Mencari pembekal yang dapat membekalkan bahan mentah yang berkualiti, penghantaran tepat pada masa dan harga yang rendah
5. Membuat perancangan rapi terhadap kelengkapan dan proses pengeluaran
6. Menyediakan jadual pengeluaran dan carta alir proses
7. Mengenal pasti berapakah jumlah kos yang perlu terlibat dalam pengeluaran

6.4 MAKLUMAT-MAKLUMAT PENTING RANCANGAN PENGELUARAN

Antara maklumat-maklumat penting yang perlu dimasukkan ke dalam rancangan pengeluaran ialah: